

文化与企业

Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia



040
HI

Chin Yee Whah


Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia

Chin Yee Whah

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2003

<http://www.penerbit.ukm.my>

PUSTAKA PERDANA



1004499

K a n d u n g a n

Prakata . . . 9

Penghargaan . . . 13

Bab 1 Pengenalan . . . 15

Bab 2 Budaya, Rangkaian, Etnisiti, Kerajaan dan
Keusahawanan Cina . . . 26

Bab 3 Dasar Pemerintah: Reaksi dan Kedudukan Ekonomi
Usahawan Cina . . . 53

Bab 4 Pembentukan Usahawan Cina . . . 88

Bab 5 Pembentukan Nilai dan Amalan Budaya Niaga
Usahawan Cina . . . 116

Bab 6 Usahawan Cina dan Modenisasi Perniagaan
Keluarga . . . 158

Bab 7 Transformasi Keusahawanan Cina di Malaysia . . . 191

Bab 8 Kesimpulan: Kedinamikan Budaya dan
Transformasi keusahawanan Cina . . . 232

Glosari . . . 240

Rujukan . . . 243

Indeks . . . 253

Prakata

Buku ini adalah berdasarkan disertasi doktor falsafah bertajuk 'Usahawan Cina di Malaysia: Interaksi Budaya dan Transformasi Keusahawanan' yang diserahkan kepada Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2001. Kajian interaksi yang melibatkan aktor dan sistem nilai mereka serta perubahan dasar kerajaan dan struktur masyarakat mendorong penulis memilih kaedah penyelidikan tertentu. Konteks dan kaedah penyelidikan sesebuah kajian sosiologi penting dan perlu dijelaskan kepada pembaca supaya dapat menjalin suatu hubungan langsung antara pembaca dengan penulis. Dengan itu, satu keterangan ringkas tentang kaedah dan proses penyelidikan perlu dikemukakan.

Penulis melakukan kerja luar pada 1996, 1997, 1999 dan 2000. Kaedah wawancara mendalam digunakan untuk menemuramah 29 usahawan Cina dan seorang pegawai daripada persatuan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM). Saiz responden yang dipilih adalah angka *non-representative* tetapi memberikan maklumat yang terperinci tentang setiap usahawan. Kaedah pensampelan *purposive snowball* digunakan dengan tujuan mendapatkan satu kumpulan dalam populasi yang memenuhi syarat seorang usahawan seperti yang ditakrif dalam buku ini. Kaedah ini mempunyai kekuatan dan kelemahan tertentu dan tidak ada satu kaedah sempurna yang dapat digunakan.

Kekuatan kaedah ini ialah ia dapat mengatasi masalah kepercayaan responden terhadap penulis. Ini kerana kebanyakan soalan yang diajukan kepada responden adalah soalan sensitif yang menyentuh hal peribadi, rahsia perniagaan, hasil perolehan, hubungan politik dan penglibatan responden dalam perniagaan dengan Bumiputera. Kaedah *snowball* membolehkan penulis mendapat kepercayaan responden atas keyakinan yang diberi oleh perujuk yang memperkenalkan penulis. Kaedah *snowball* juga membuka peluang kepada penulis untuk menyelidik jaringan perniagaan responden. Kelemahan kaedah ini terletak pada ketakupayaannya bersifat *representative* berbanding kaedah pensampelan secara rambang. Namun demikian kaedah ini sesuai untuk mengendalikan

saiz sampel yang kecil dan boleh dikendalikan oleh penyelidik itu sendiri untuk mengatasi masalah pekerja upahan.

Di kalangan responden ini, 12 berasal dari Pulau Pinang (Butterworth dan Perai), seorang dari Perak (Ipoh), 15 dari Lembah Klang (Kuala Lumpur, Selayang, Serdang, Seri Kembangan, Klang, Kajang dan Bandar Baru Bangi) dan seorang dari Johor (Johor Bahru). Sementara dari segi skop, syarikat yang terlibat sekurang-kurangnya mengupah seorang pekerja dan mempunyai pejabat sendiri dengan perolehan minimum tahunan RM500 000. Syarikat ini termasuk 11 syarikat pengeluaran, 8 syarikat kontraktor kecil dan sederhana, 7 syarikat borong dan 3 syarikat runcit. Saiz syarikat yang terlibat menurut bilangan pekerja sepenuh masa dapat dikategorikan seperti berikut: 10 syarikat mempunyai 1-10 pekerja; 10 syarikat mempunyai 11-30 pekerja, 3 syarikat mempunyai 31-100 pekerja, 4 syarikat mempunyai 101-200 pekerja, sebuah syarikat mempunyai lebih daripada 400 pekerja dan sebuah syarikat mempunyai lebih daripada 600 pekerja.

Walaupun saiz syarikat ini berbeza tetapi aspek penting yang dipertimbangkan penulis adalah faktor budaya usahawan Cina dan dasar kerajaan, misalnya Akta Perhubungan Perindustrian (ICA) yang mempengaruhi saiz organisasi perniagaan Cina. Ramai pengusaha Cina memiliki beberapa syarikat. Ada pengusaha yang mempunyai dua syarikat berdaftar tetapi beroperasi dari sebuah pejabat yang sama. Ada juga pengusaha yang memiliki lebih daripada dua buah syarikat dan ada antaranya syarikat perkongsian. Syarikat ini beroperasi di tempat yang berbeza tetapi terletak di bawah kawalan usahawan yang sama. Keadaan ini mewujudkan 'mobiliti tenaga kerja yang fleksibel' atau *transcompany labours* yang boleh digerakkan oleh seseorang pengusaha syarikat apabila diperlukan. Oleh itu, saiz syarikat yang berbeza dan jenis perniagaan yang tidak menumpu kepada bidang perniagaan tertentu tidak menimbulkan masalah kerana tesis yang ingin diketengahkan adalah interaksi antara budaya dengan keusahawanan. Perbezaan ini memberi suatu kelebihan untuk meneliti sistem pengurusan dalam syarikat kecil, sederhana dan besar. Jenis perniagaan yang berbeza juga membuka peluang untuk meneliti corak budaya yang menarik dalam sektor perniagaan.

Bagi mendapatkan data dalam kerja luar, teknik wawancara dan pemerhatian turut digunakan. Satu kajian awal dilakukan dengan mengadakan wawancara dengan dua usahawan Cina. Selepas itu, soalan dalam panduan wawancara diubah suai. Teknik rakaman telah digunakan dan wawancara yang dirakamkan hampir 85 jam. Penulis sendiri mengambil masa beratus-

ratus jam untuk mentranskripsi rakaman wawancara ke dalam bentuk teks. Tujuan transkripsi ini dibuat sendiri oleh penulis adalah untuk mengelak masalah pekerja upahan yang mungkin menimbulkan ketakjituan data yang dikumpul. Transkripsi disusun menurut tajuk dalam panduan wawancara. Analisis dilakukan dengan meneliti hujah, ayat dan perkataan yang disebut oleh responden dan ia kemudiannya disusun, ditafsir dan diuji hubungannya dengan nilai dan latar belakang mereka yang menguruskan perniagaan.

Kaedah wawancara dan rakaman digunakan kerana cara ini sesuai untuk menganalisis sistem nilai dan budaya yang abstrak. Kaedah ini dapat menggalakkan perbualan yang panjang dengan memberi peluang kepada responden untuk menceritakan pengalaman dan menyuarakan pendapat mereka. Kaedah ini juga membolehkan penulis mengkategorikan tema dengan rapi, sistematik dan membolehkan pemprosesan dan analisis data dilakukan dengan teliti serta mendalam. Pendekatan pemerhatian turut juga digunakan untuk mengamati aksi usahawan yang meliputi tingkah laku, gaya hidup dan cara mereka mengendalikan sesuatu transaksi perniagaan. Wawancara dikendalikan dalam suasana yang berbeza seperti di pejabat, kilang, bilik mesyuarat syarikat, kedai kopi, rumah responden dan kelab *karaoke*. Dalam beberapa kes, penulis diundang bersama-sama responden ke *karaoke*, pub dan disko selepas wawancara selesai. Keadaan ini turut membuka peluang kepada penulis membuat pengamatan berhubung gaya hidup, cara bersosial dan berbincang urusan perniagaan peniaga Cina. Tidak banyak maklumat yang diperoleh melalui wawancara dan penulis telah melakukan lawatan ke pejabat, kilang dan bengkel responden serta mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa sebagai jurujual kepada responden. Peluang ini juga membolehkan penulis memahami dunia perniagaan dengan lebih mendalam. Selain itu, penulis juga memanfaatkan sebahagian kecil data yang diperoleh dalam kajian lain yang penulis menjadi pembantu penyelidik. Data sekunder juga diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, misalnya kajian lepas, laporan statistik kerajaan, akhbar dan majalah yang berkaitan.

Pada pendapat penulis, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah yang paling sesuai untuk menyelidik keusahawanan Cina. Walau bagaimanapun, penulis perlu mengaku bahawa tidak terdapat satu pun kaedah penyelidikan yang sempurna dan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini mempunyai batasan tertentu. Responden dalam kajian ini tertumpu di kawasan bandar. Oleh itu, buku ini mencerminkan secara lebih khusus interaksi budaya dan keusahawanan Cina di bandar. Keusahawanan Cina di luar bandar atau di negeri pantai timur yang

kurang membangun seperti di Kelantan dan Terengganu perlu diteroka untuk membuat perbandingan pada masa depan. Buku ini bukan sebuah karya etnografi. Kaedah pemerhatian yang turut digunakan adalah berbeza sama sekali daripada kajian etnografi yang seseorang penyelidik tinggal bersama komuniti yang dikaji untuk suatu tempoh tertentu (misalnya, Orang Asli, nelayan pantai dan sebagainya) yang terletak di satu lokasi geografi tertentu. Walau bagaimanapun, ini hanyalah masalah struktur yang mudah bagi seseorang penyelidik memerhati kehidupan Orang Asli atau nelayan pantai tetapi adalah sukar untuk memerhati semua perkara yang dilakukan seseorang usahawan kerana mereka bukan sebuah komuniti tersendiri. Walaupun penulis menyedari batasan ini tetapi penulis dapati kaedah pemerhatian dan wawancara adalah paling berkesan untuk mendapatkan data terperinci daripada usahawan Cina berbanding kaedah kaji selidik yang mungkin memberikan data permukaan sahaja.

CHIN YEE WHAH
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
MAC 2002